

MPC 100-16/4/16

17 Mac 2021

Tamuasia Dot Com Ventures
No. 06-2, 3 Elements,
Persiaran Putra Permai,
Bandar Putra Permai,
43300, Seri Kembangan, Selangor.
(U.P.: Pn. Atika Sulaiman)

Fax. No: 03-89591998

Puan

**LANTIKAN SEBAGAI PENULIS BAGI PROJEK PENERBITAN AMALAN TERBAIK
BAGI PROGRAM PEMBANGUNAN KAPASITI VENDOR-MED**

Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) yang merupakan agensi dibawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) telah merancang untuk penerbitan lima e-artikel Amalan Terbaik bagi program Pembangunan Kapasiti Vendor-MED.

3. Di antara objektif projek ini adalah untuk mendokumentasikan amalan terbaik dari lima syarikat yang telah melaksanakan projek penambahbaikan di dalam proses kerja sedia ada.

4. Bagi tujuan tersebut, MPC ingin melantik puan sebagai penulis yang akan menulis artikel berdasarkan kepada sesi temuramah yang akan dijalankan. Selain itu, pihak puan juga perlu menyunting berdasarkan kepada maklum balas yang diberikan oleh MPC dan syarikat yang terlibat. Pihak puan juga perlu mereka bentuk draf terakhir menjadi sebuah artikel dan sebuah infografik. Bersama-sama ini disertakan Terma Rujukan untuk makluman puan.

5. Untuk makluman puan, hanya 2 syarikat sahaja yang bersetuju untuk MPC menulis artikel penuh (5 muka surat), manakala pihak puan hanya perlu menulis satu muka surat untuk 3 syarikat lagi. Berdasarkan kepada sebutharga yang diberikan oleh pihak puan, pihak MPC akan membayar sejumlah RM12,200.00. Pembayaran pertama akan dibuat sebanyak 20 peratus dan baki 80 peratus lagi akan dibayar setelah projek selesai mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh MPC.

6. Puan dimohon untuk melengkapkan Borang Setuju Terima Tawaran MPC dan menghantar borang tersebut kepada Ummu 'Ammarah Basyirah Hashim (email: ummu@mpc.gov.my) selewatnya 23 Mac 2021. Pihak Puan juga boleh menghubungi pegawai tersebut di talian 03-79512461 untuk maklumat lanjut mengenai tugas ini.

Pertimbangan dan kerjasama puan amat dihargai.
Sekian, terima kasih.

"MEMACU PRODUKTIVITI NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(Nur Hanim Abd Ghani)
Bp Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)



TERMA RUJUKAN

PROJEK PENERBITAN AMALAN TERBAIK BAGI PROGRAM PEMBANGUNAN KAPASITI VENDOR-MED (PPKV) FILE: MPC100-16/4/16

1. Menghadiri mesyuarat pertama untuk penyerahan tugas.
2. Menghadiri sesi temuramah yang dikendalikan oleh MPC dengan syarikat yang terpilih sekiranya perlu.
3. Perlu menggunakan maklumat dari slide projek dan sesi temuramah.
4. Penulisan penerbitan ini adalah sebanyak :
 - a. 2 artikel - 5 muka surat untuk setiap satu
 - b. 3 artikel – 1 muka surat untuk setiap satu
5. Penulisan yang dibuat perlulah dalam bentuk softcopy dan piawaian seperti berikut dipatuhi:
 - a. Jenis tulisan – Arial 12
 - b. Jarak – 1 spacing
6. Pihak yang dilantik perlu membuat penyuntingan setelah mendapat maklum balas dari MPC untuk menambah baik (deraf pertama). Tempoh penyuntingan adalah selama seminggu dari tarikh menerima maklum balas dari MPC.
7. Pihak yang dilantik perlu menghantar deraf dan membuat penambahbaikan berdasarkan kepada cadangan yang diberikan oleh syarikat (deraf kedua).
8. Seterusnya, pihak dilantik perlu mereka bentuk infografik (*artwork*) untuk 5 syarikat dan *layout* artikel penuh untuk 2 e-artikel yang telah dikenalpasti. Sebarang penambahbaikan berdasarkan cadangan yang diberikan oleh syarikat perlu dipatuhi oleh pihak yang dilantik.
9. Projek ini dijangka siap pada **30 Jun 2021** dengan andaian tiada penangguhan dalam mana-mana proses sepanjang pelaksanaannya.
10. Pembayaran akan dibuat berdasarkan kepada sebut harga yang dihantar iaitu:
 - a. 20% - projek bermula
 - b. 80% - projek tamat dengan memenuhi spesifikasi perkara 1 hingga 9.
11. Semua penulisan yang dibuat adalah hak milik MPC dan tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian penerbitan, ilustrasi, reka bentuk, grafik dan isi kandungan dalam apa jua cara sama ada elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau apa-apa cara lain tanpa mendapat keizinan bertulis terlebih dahulu daripada Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC).